

Pengaplikasian Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Di Daerah Johor Bahru Dan Pasir Gudang, Johor

Yusof Bin Boon & Sahibul Bahrin Bin Ahmad

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah membekalkan Perisian Perakaunan ASSETBase mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi membolehkan guru-guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan mengaplikasikan perisian tersebut. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, masalah dan kesanggupan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian Perakaunan ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang guru mata Pelajaran Prinsip Perakaunan di Daerah Johor Bahru dan Pasir Gudang. Data kajian deskriptif ini dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden, Data dianalisis dengan menggunakan *perisian Statistical Package For Social Sciences For Windows (SPSS) Version 15.0* untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian mendapati pengetahuan dan kesanggupan responden untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase pada tahap yang tinggi, manakala aspek masalah pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dengan guru perempuan dari segi tahap pengetahuan, permasalahan dan tahap kesanggupan. Oleh yang demikian, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan lagi kesedaran guru dalam mengaplikasikan Perisian Perakaunan ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran.

Katakunci : perisian ASSETBase, prinsip akaun

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia pada masa kini sedang berada dalam era yang dipenuhi dengan pelbagai teknologi, cabaran yang paling hebat terhadap pendidikan pada masa kini adalah pengaruh televisyen dan komputer. Bidang elektronik tersebut sedang mengubah secara menyeluruh dan radikal kaedah pengajaran dan pembelajaran guru terhadap para pelajarnya. Bagi menetapkan dan memastikan kewujudan pendidikan yang bermutu penekanan terhadap penerapan teknologi pendidikan dan penggunaan pusat sumber secara optima dan berkesan amat diperlukan.

Ini bermaksud segala usaha guru yang melibatkan penggunaan sumber pengajaran dan pembelajaran bagi melengkapkan pendekatan dan strategi untuk mempengaruhi murid-murid supaya belajar. Di sini, sumber secara meluas meliputi bahan-bahan pendidikan atau pembelajaran dalam bentuk bahan bercetak atau tidak bercetak. Bahan-bahan yang dimaksudkan boleh mendatangkan pengetahuan atau pun yang menimbulkan minat serta mendorong murid untuk belajar melalui buku, dokumen, suratkhbar, kit aneka media, komputer dan lain-lain perkakasan dan perisian yang boleh diperoleh dalam kehidupan seharian.

Sebagai agen perubahan, pendidik harus bersedia untuk mengadaptasikan pengajaran mereka kepada perkembangan dunia pendidikan masa kini, agar tidak ketinggalan oleh arus pembangunan. Penggunaan komputer dan internet sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan unsur multimedia dan hipermedia ini dilihat sebagai satu inovasi ke arah pemanfaatan kekayaan sumber maklumat yang sedia wujud dengan meluas.

Pelbagai dasar telah digubal dan diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran bagi memajukan bidang pendidikan di Malaysia. Sejarah dengan perkembangan teknologi maklumat

kaedah pengajaran dan pembelajaran juga turut mengalami perubahan. Guru-guru digesa untuk melengkapkan diri dengan pelbagai teknologi atau kemahiran yang berteraskan teknologi maklumat bagi menghadapi dunia perguruan yang semakin mencabar. Di sinilah titik tolak bermulanya era penggunaan komputer di sekolah-sekolah yang mana komputer telah dijadikan sebagai alat bahan bantu pengajaran.

Walaupun Malaysia telah mengalami perkembangan yang pesat dalam teknologi perkakasannya tetapi penghasilan bahan-bahan pengajaran yang digunakan dalam bentuk perisian komputer masih ditahap yang rendah. Guru-guru yang terlibat dalam pengajaran mata pelajaran yang tertentu seharusnya mengambil peluang ini untuk menghasilkan perisian komputer yang bersifat ke Malaysiaan dan direka khas untuk memenuhi keperluan para pelajar mereka mengikut kesesuaian tahap, kebolehan, pengetahuan dan jangka masa tertentu.

Pernyataan Masalah

Sekolah yang telah menerima bekalan Perisian ASSETBase dari Kementerian Pelajaran Malaysia dibekalkan bersama buku-buku dan bahan-bahan sokongan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan Perisian ASSETBase. Guru-guru Prinsip Perakaunan pula telah dikursuskan berkaitan pengaplikasian perisian tersebut.

Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan merupakan mata pelajaran elektif, pihak sekolah boleh memilih untuk menawarkan mata pelajaran ini atau tidak kepada murid-muridnya. Walaupun penggunaan komputer tidak termasuk dalam sukatan pelajaran, namun apabila pihak kerajaan telah membekalkan Perisian ASSETBase ke sekolah-sekolah terpilih yang menawarkan mata pelajaran Prinsip Perakaunan, adalah menjadi tanggungjawab guru-guru untuk mengaplikasikan perisian ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dengan berbantuan komputer.

Kesungguhan pihak kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia membekalkan Perisian ASSETBase mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi membolehkan guru-guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih cekap, ceria dan berkonsepkan pembelajaran berpusatkan murid akan lebih cepat dapat dicapai. Secara tidak langsung murid-murid dapat menguasai mata pelajaran ini dengan lebih cekap lagi. Persoalan yang timbul, adakah guru-guru telah mengaplikasikan sepenuhnya perisian ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Adakah guru-guru Prinsip Perakaunan bersedia menghadapi perubahan ini.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik akan meninjau pengaplikasian perisian ASSETBase dalam pengajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan berasaskan tahap pengetahuan guru terhadap pengaplikasian perisian ASSETBase, masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesanggupan guru-guru untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Mengenal pasti tahap masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- iii. Mengenal pasti tahap kesanggupan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran

- iv. Mengetahui pasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan masalah guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran mengikut jantina.

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan tertentu khususnya kepada pihak yang terlibat dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan antaranya ialah:

- i. Membantu guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu kajian kes. Menurut Mohd Majid (2004) penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Justeru itu kajian ini diharap dapat memberi gambaran yang jelas dan maklumat yang tepat bagi menjawab persoalan-persoalan kajian mengenai kesediaan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran yang berbantuan komputer. Kajian ini juga akan mengenal pasti tahap pengetahuan, masalah-masalah dan tahap kesanggupan guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi boleh didefinisikan sebagai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Seluruh ahli populasi ini mestilah mempunyai salah satu ciri atau sifat yang boleh dicerap dan diukur antara satu sama lain Mohd Majid (2004).

Dalam kajian yang dijalankan ini populasi sasarannya terdiri daripada seorang guru daripada setiap sekolah yang telah menerima perbekalan Perisian ASSETBase Prinsip Perakaunan dari 40 buah sekolah dari Daerah Johor Bahru dan Pasir Gudang. Keseluruhan ahli populasi dilihat mempunyai ciri yang sama antara satu sama lain iaitu mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Responden dalam kajian ini mewakili semua populasi iaitu guru-guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang menerima Perisian ASSETBase di Daerah Johor Bahru dan Pasir Gudang.

Menurut Mohd Najib (1999), ahli penyelidik menyarankan 30 peratus dari populasi adalah telah cukup sesuai sebagai saiz sampel dan ada juga yang berkata 30 sampel telah mencukupi. Perkara yang lebih penting perlu di atasi selain daripada saiz sampel ialah sampel mesti dapat mewakili populasi

Kajian ini melibatkan 40 buah sekolah SMK Daerah Johor Bahru dan Pasir Gudang yang terdiri daripada:

Jadual 1 Senarai Nama Sekolah Dengan Bilangan Sampel Kajian

Bil.	Nama Sekolah	Populasi	Sampel Yang Diambil
1	SMK Sultan Ismail	1	1
2	SMK Siti Tebrau	1	1
3	SMK Sri Rahmat	1	1
4	SMK Skudai	1	1
5	SMK Pasir Gudang	1	1
6	SMK Tamar Pelangi	1	1
7	SMK Tasek Utara	1	1
8	SMK Bandar Baru Uda	1	1
9	SMK Tamar Universiti	1	1
10	SMK Seri Perling	1	1
11	SMK Permas Jaya	1	1
12	SMK Tamar Daya	1	1
13	SMK Skudai Baru	1	1
14	SMK Kempas	1	1
15	SMK Seri Perling 2	1	1
16	SMK Tamar Rinting 2	1	1
17	SMK Tamar Motok	1	1
18	SMK Puteri Wangsa	1	1
19	SMK Impian Emas	1	1
20	SMK Tamar Daya 2	1	1
21	SMK Pasir Gudang 3	1	1
22	SMK Desa Skudai	1	1
23	SMK Kota Masai	1	1
24	SMK Tasek Utara 2	1	1
25	SMK Taman Desa Tebrau	1	1
26	SMK Taman Mutiara Rini 2	1	1
27	Maktab Sultan Abu Bakar	1	1
28	SMK Aminuddin Eaki	1	1
29	SMK Taman Sutera	1	1
30	SMK (P) Sultan Ibrahim	1	1
31	SMK Infant Jesus Convent (M)	1	1
32	SMK Sultanah Engku Tun Aminah	1	1
33	SMK Gelang Patah	1	1
34	SMK Dato Pengawa Timur	1	1
35	SMK Dato Abdul Fahmar Yassin	1	1
36	SMK Teknik Perdegangan	1	1
37	SM Teknik Johor Bahru	1	1
38	SMK Majid Baru	1	1
39	SMK Permas Jaya 2	1	1
40	SMK Mutiara Rini	1	1

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang. Persoalan yang ditanya melibatkan aspek afektif bukan aspek kognitif atau aspek kecerdasan fizikal Mohd Najib (1999).

Instrumen soal selidik dipilih kerana bersesuaian dengan objektif kajian yang melibatkan tahap pengetahuan yang melibatkan sikap efektif seperti mana yang telah ditetapkan dalam

kajian ini. Selain itu, cara ini berupaya untuk mendapatkan maklumat secara mudah dan tepat daripada responden, sesuai dengan bilangan sekolah yang dipilih.

Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik yang dibina dengan merujuk beberapa kajian lepas dan diubahsuai oleh penyelidik agar ia bersesuaian dengan persoalan kajian. Kajian lepas tersebut yang berkaitan tajuk kajian penyelidik ialah Kajian Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). Terdapat juga beberapa item yang dibina oleh penyelidik sendiri.

Set soal selidik ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan B, yang mana jumlah kesemua soalan yang perlu dijawab oleh responden ialah sebanyak 36 item.

Bahagian A

Bahagian A menggunakan soalan jenis pilihan jawapan. Bahagian ini terdiri daripada 6 item yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden yang meliputi jantina, umur, pengalaman mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan, kelayakan iktisas, kelulusan akademik tertinggi dan jumlah waktu mengajar responden. Soalan ini memerlukan responden menandakan satu jawapan daripada pilihan jawapan yang diberi.

Bahagian B

Bahagian B pula berkaitan dengan kesediaan guru mata Pelajaran Prinsip Perakaunan terhadap pengaplikasian perisian pendidikan perakaunan ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran. Item soalan pada bahagian ini terdiri 28 soalan. Bahagian ini menggunakan soal selidik jenis Likert lima skala yang diubahsuai. Responden dikehendaki menandakan satu jawapan tentang sesuatu kenyataan yang diberikan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain Mohamad Najib (1999).

Wiersma (1991), menjelaskan Skala Likert merupakan suatu skala dengan nombor skor yang menyumbang untuk pengukuran skala ordinal. Sebarang nilai skor boleh digunakan untuk sesuatu set respon tetapi ciri utama dalam Skala Likert adalah respon yang diberi mestilah bersesuaian dengan item soal selidik. Menurut Gay (1981), Skala Likert adalah berbentuk soalan yang memerlukan maklumbalas daripada responden terhadap kenyataan yang diberi melalui penilaian mereka sama ada sangat setuju, setuju, berkecuali, tidak setuju atau sangat tidak setuju. Skala ini adalah berdasarkan Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 : Skala Jawapan Responden

Skala	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Kurang Setuju (KS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
Skor	1	2	3	4	5

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar ke atas responden yang terpilih dalam kajian ini. Penyelidik membuat kajian rintis ke atas 23 buah sekolah di Daerah Batu Pahat yang telah menerima Perisian ASSETBase yang mewakili 23 orang guru. Responden yang dipilih dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sample sebenar.

Kajian rintis digunakan sebagai teknik untuk menguji kesahan isi Mohamad Najib (1999). Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, pengkaji akan menganalisis data yang diperolehi bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan itemitem soalan kajian dengan menggunakan pekali *Alpha Cronbach*. Hasil yang diperolehi daripada kajian rintis tersebut menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan Majid (2004). Maka item-item bagi soalan kajian dikekalkan.

Setelah selesai membuat penilaian terhadap set kajian rintis, kemudian penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada responden kajian sebenar. Data kajian sebenar inilah yang akan dianalisis dan dibincangkan dalam kajian ini.

Analisis Data

Ujian – t dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesediaan responden berdasarkan jantina yang dibahagikan kepada Tiga aspek iaitu tahap pengetahuan, masalah dan kesanggupan responden terhadap mengaplikasikan Perisian Pendidikan Perakaunan ASSETBase dalam pengajaran.

Jadual 3 : Perbezaan Tahap Pengetahaun Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran Mengikut Jantina

Komponen	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan (p)
Tahap pengetahuan responden untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran	Lelaki	7	3.9464	0.43215	38	1.066	0.293
	Perempuan	33	3.7538	0.43458			

* Signifikan pada aras keertian 0.05

Dapatan kajian dalam Jadual 4 mendapati nilai $p=0.293 > a 0.05$. Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap pengetahuan responden untuk mengaplikasikan perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran

Jadual 5 : Perbezaan Tahap Masalah Yang Dihadapi oleh Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Jantina

Komponen	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan (p)
Tahap masalah yang dihadapi oleh responden untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran	Lelaki	7	2.5857	0.59000	38	0.468	0.642
	Perempuan	33	2.5121	0.32284			

* Signifikan pada aras keertian 0.05

Dapatan kajian dalam Jadual 4 mendapati nilai $p=0.642 > a 0.05$. Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan masalah yang dihadapi oleh responden untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran

Jadual 6 : Perbezaan Tahap Kesanggupan Responden Untuk Mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Jantina.

Komponen	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	DF	T	Signifikan (p)
Tahap kesanggupan Responden untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam Pengajaran dan Pembelajaran	Lelaki	7	3.8429	0.16183	38	0.311	0.758
	Perempuan	33	3.8000	0.35444			

* Signifikan pada aras keertian 0.05

Dapatan kajian dalam Jadual 6 mendapati nilai $p=0.758 > a 0.05$. Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan kesanggupan responden untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran.

Perbincangan

Analisa dapatan kajian bagi persoalan kajian yang ketiga menunjukkan purata min keseluruhan iaitu 3.81. Persoalan kajian yang ketiga ini berada pada tahap tinggi berbanding persoalan kajian pertama dan kedua.

Item 25, 27, 28 dan 30 dengan min 4.18, 4.08, 4.03 dan 4.00 . Sebanyak 29 responden (72.5 peratus) telah membuat rancangan Pengajaran dan Pembelajaran lebih awal untuk menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran yang mengaplikasikan Perisian Pendidikan Perakaunan ASSETBase, item 27 pula sebanyak 27 orang responden (67.5 peratus) telah menyatakan setuju bahawa mengaplikasikan Perisian Pendidikan Perakaunan memberi keyakinan kepada guru untuk melayari internet. Bagi item 28 pula sebanyak 28 orang responden (70.0 peratus) menyatakan setuju guru belajar mengaplikasi Perisian Pendidikan Perakaunan dan item 30 pula sebanyak 29 orang responden (72.5 peratus) telah menyatakan setuju menyediakan Set Induksi yang mengaplikasikan ICT sesuai untuk kegunaan dalam bilik darjah.

Snetsinger (1995) menjelaskan, menggunakan komputer merangsang penglibatan kelas yang interaktif dan pelajar akan memainkan peranan terhadap pembelajaran sendiri. Ini membuka peluang kepada perkembangan intelektual, interpersonal serta melatih pelajar menyelesaikan masalah pembelajaran secara kreatif melalui kaedah koperatif dan juga secara individu.

Penggunaan komputer dalam pendidikan bukan sekadar merubah scenario pendidikan tempatan, tetapi mampu melahirkan pelajar yang lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Ia bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Razali Ahmad (1996) mendapati bahawa penggunaan komputer dalam bilik darjah menjadikan pelajar lebih berhati-hati dalam kerja serta membuka peluang kepada mereka untuk berhubung dengan pelajar-pelajar dari sekolah lain melalui internet.

Item 34, 33 dan 32 mempunyai min dalam tahap sederhana atau neutral yang mana masing-masing minnya adalah 3.60, 3.35 dan 3.13. Item 34 sebanyak 27 orang responden (67.5 peratus) telah bersetuju belajar mengaplikasikan Perisian Pendidikan Perakaunan selain daripada Perisian ASSETBase. Ia bersesuaian dengan kajian Tan Soon (2002) yang menyatakan bagaimana komputer boleh diintergrasikan dengan bahan bantu mengajar yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran, contohnya *microsoft word* setiap laporan dapat disimpan untuk penggunaan masa hadapan atau tujuan rujukan.

Akhirnya item 32 yang merupakan item yang mempunyai min terendah dalam aspek kesanggupan guru untuk mengaplikasikan Perisian ASSETBase Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Didapati sebanyak 21 orang responden (52.5 peratus) telah menyatakan kurang setuju berkaitan guru tidak membuat sebarang inovasi kepada manual pengguna panduan kepada aplikasi Perisian ASSETBase dalam mengintergrasikan Pengajaran dan Pembelajaran Prinsip Perakaunan. Ini menunjukkan bahawa guru telah melaksanakan inovasi kepada manual pengguna. Ia bersesuaian dengan kajian Rahil (1997) bahawa guru perlu mengubahsuai kaedah pengajarannya atau bahan pengajarannya semata-mata untuk menyenangkan pelajar menerima dan belajar sesuatu yang baru. Oleh itu pengajaran merupakan proses penyampaian bahan pengajaran guru kepada murid dan murid pula melalui proses pembelajaran hasil daripada proses pengajaran guru. Dapatan kajian ini membawa maksud yang jelas bahawa responden mempunyai tahap kesanggupan yang amat baik untuk mengaplikasikan Perisian Pendidikan ASSETBase dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru Prinsip Perakaunan sentiasa berfikiran terbuka terhadap ICT dan bersedia pada bila-bila masa untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang berbantuan komputer sekiranya kemudahan yang diberikan mencukupi dan disenggara dengan baik serta segala masalah yang dihadapi dapat diberikan perhatian dan diatasi. Dalam aspek kesanggupan ini guru-guru Prinsip Perakaunan sudah bersedia untuk menghadapi perubahan dalam sistem pendidikan yang mengambil berat berkaitan teknologi. Sudah sampai masanya mata pelajaran Prinsip Perakaunan di komputerkan dengan menggunakan Perisian Perakaunan yang relevan sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa badan-badan perniagaan di luar sana yang sudah mula menggunakan Perisian Perakaunan dalam menyimpan dan mencatat urusan mereka.

Rujukan

- Ahamad (2007). *Perutusan KPPM Sempena Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2007 "Guru Penjana Modal Insan Gemilang"*. Johor Bahru: Persada Johor.
- Azizi *et. al* (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Arfah Salleh (1993). *Kitaran Perakaunan*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Pertanian.
- Bahagian Pendidikan Guru (1995) " Kursus Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran ". Kuala Lumpur: BPG
- Computer Based Learning (2005). *Modul Rancangan Mengajar Prinsip Perakaunan yang Mengintegrasikan Perisian ASSETBase*. Kuala Lumpur: CBL
- Computer Based Learning (2005). *ASSETBase Menghubungkan Pembelajaran dan Amalan*. Kuala Lumpur: CBL
- Rochester J.B (1996). *Using Computers & Information*. USA: Que E&T
- Rasidi Azizan (1986). " *Penggunaan Komputer dalam Pengajaran* ". Shah Alam: BIROTEKS ITM
- Gay, L. R (1981). *Education Research, 2nd Edition*. London: A Bell & Howell Company.

- Ibrahim (1998). *"Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepemimpinan."* Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Ibrahim Ahmad (2004). *Asas Pengarangan Multimedia.* Selangor: Venton Publishing (M) SDN. BHD.
- Iskandar Ab Rashid (2003). *Open Office.Org.* Selangor: Venton Publishing (M) SDN. BHD
- Iskandar Ab. Rashid & Zaitun Ismail (2001). *Menguasai Internet.* Kuala Lumpur: Venton Publishing
- James E. Shuman (1998) *Multimedia in Action.* USA: ITP
- Kamus Dewan (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Slavin, R.E. (1997) *Educational Psychology. Theory and Practice.* 5th ed. Boston. Allyn and Bacon
- Toffler, A. (1980). *The Third Wave.* New York: Bantam Book
- Utusan Malaysia 3 Julai 2002. *Menguasai IT dari Peringkat Sekolah*
- Utusan Malayia. 1 September 2004. *Aplikasi Perdana: Dekatkan Rakyat dengan MSC*
- Utusan Malayisa 27 Mei 2005. *Pembestarian Sekolah : Memperbaiki Kelemahan Silam*
- Panduan Menulis Tesis (1999). Universiti Teknologi Malaysia.
- Wiersma, W. (2000). *Reasearch Methods In Education: An Introduction 7 th . Edu.* Boston: Allyn & Bacon.
- Wolf, R. M (1988). *Questionnaires dalam Keeves, J.P (Ed). Educational Research Methodology and Measurement : An International Hand Book.* Oxford: Pergamon Press.
- Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003). *"AnalisisData Berkomputer SPSS 11.5 for Windows.* Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) SDN BHD.